

10 JUN 1996
Osman - Jawatan
OSMAN AROFF LETAK JAWATAN AHAD INI

ALOR SETAR, 10 Jun (Bernama) -- Menteri Besar Kedah Tan Sri Haji Osman Aroff hari ini mengumumkan bahawa perletakan jawatannya berkuatkuasa mulai Ahad ini (16 Jun).

Beliau mengumumkan demikian kepada pemberita pada 2.40 petang selepas mengadakan perjumpaan hampir sejam dengan 28 Anggota Dewan Undangan Negeri Kedah daripada Barisan Nasional (BN) di Bilik Gerakan Negeri, Wisma Darul Aman, di sini.

Lima anggota dewan daripada BN yang tidak hadir pada pertemuan hari ini ialah Datuk Seri Sanusi Junid (Kuah), Badri Yunus (Tanjung Dawai), Datuk Beh Heng Seong (Gurun), Abdul Rahman Ariffin (Ayer Hitam) dan Tan Hong Eng (Bakar Arang).

Osman berkata beliau membuat pengumuman itu selepas mendapat persetujuan daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada satu perjumpaan di Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, Khamis lepas.

Ketika membuat pengumuman itu Osman berkata: "Saya dengan sukacita mengumumkan bahawa saya, setelah berbincang dan seterusnya mendapat persetujuan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, maka saya telah membuat keputusan untuk meletakkan jawatan Menteri Besar Kedah pada 16 Jun.

"Ini bererti hari terakhir saya berkhidmat sebagai Menteri Besar ialah pada 15 Jun.

"Saya berharap semua ahli Umno di Kedah dan juga wakil rakyat akan terus memberi sokongan yang padu dan tidak berbelah bagi kepada Presiden parti.

"Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua pihak iaitu wakil rakyat, pegawai kerajaan, ahli Umno dan semua ahli BN yang telah memberi kerjasama dan sokongan kepada saya sepanjang perkhidmatan saya sebagai Menteri Besar Kedah.

"Kepada semua rakyat dan pegawai kerajaan, sama ada di peringkat negeri mahupun persekutuan, saya juga merakamkan jutaan terima."

Osman berkata bahawa kerjasama yang diberikan itu memudahkan beliau untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab selama lebih 11 tahun menerajui kerajaan negeri.

Osman, yang merupakan Anggota Dewan Undangan Negeri Kedah yang paling lama berkhidmat iaitu sejak pilihan raya umum 1969, mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Kedah yang keempat pada 28 Jan 1985.

Ketika ditanya bilakah penggantinya akan mengangkat sumpah jawatan, Osman berkata beliau tidak tahu kerana soal itu ditentukan oleh Pejabat Sultan Kedah.

Beliau juga berkata bahawa jawatannya sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kedah juga akan ditentukan oleh Presiden parti.

"Setakat ini soal Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri belum dibincangkan lagi," katanya.

Ketika ditanya pendapatnya mengenai kemajuan yang dicapai oleh Kedah selama beliau menerajui kerajaan negeri, Osman berkata bahawa beliau amat berpuas hati dengan pencapaian yang dicatatkan setakat ini.

"Saya berpuas hati setakat mana yang mampu saya dan rakan-rakan laksanakan. Saya kira kita telah dapat mengubah keadaan negeri yang mundur dulu kepada sebuah negeri yang agak pesat membangun.

"Saya kira ini adalah satu kejayaan yang amat baik sekali disebabkan kestabilan politik di negeri Kedah," katanya.

Mengenai rancangannya selepas ini, Osman berkata beliau ingin berehat setelah berkhidmat begitu lama.

Katanya perletakan jawatannya itu memberikan lebih banyak peluang untuk memberikan tumpuan kepada keluarganya. -- BERNAMA

MFJ MAI